

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat beberapa limbungan kapal yang berada di Sabah, Sarawak dan Labuan. Tidakkah patut kapal-kapal pertahanan negara yang berada di kawasan wilayah 2 (Sabah dan Sarawak) patut diselenggarakan oleh limbungan kapal yang berada di kawasan tersebut dan tidak perlu dihantar ke Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya pada masa ini terdapat beberapa limbungan kapal di Sabah, Sarawak dan Labuan menyelenggara kapal perang bersaiz kecil dan besar. Bagi selenggaraan kapal perang bersaiz kecil, tawaran selenggaraan atau pembaikan kapal tersebut yang berpangkalan di Sabah hanya ditawarkan kepada limbungan di Sabah, Sarawak dan Labuan sahaja, tidak kepada limbungan di Semenanjung. Ini disebabkan faktor lokaliti, selain kapal perang kecil tidak perlu merentas Laut China Selatan.

Bagi selenggaraan kapal perang bersaiz besar, di Malaysia hanya terdapat 4 limbungan yang berkemampuan melaksanakan selenggaraan ini iaitu Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (Lumut), Malaysia Marine and Heavy Engineering Berhad (Pasar Gudang), Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd (Labuan) dan Shin Yang Shipyard Sdn Bhd (Miri).

Sehubungan dengan itu bagi selenggaraan kapal perang bersaiz besar berpangkalan di Sabah, tawaran dibuka kepada keempat-empat limbungan. Pendekatan yang sama juga digunapakai bagi kapal perang bersaiz besar yang berpangkalan di Semenanjung Malaysia, dimana limbungan di Sarawak dan Labuan turut dipelawa.

Pendekatan selenggaraan kapal perang bersaiz besar ditawarkan kepada 4 limbungan adalah bagi memastikan kerajaan mendapat tawaran harga yang terbaik dan kompetitif. Sekiranya tawaran selenggaraan hanya ditawarkan kepada limbungan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak sahaja, maka hanya 2 limbungan sahaja yang turut serta, tidak termasuk limbungan Pembuat Kapal Perang Asal TLDM bersaiz besar.

Langkah melaksanakan Tawaran Selenggaraan kepada 4 limbungan ini adalah bagi memastikan persaingan sihat serta saksama di kalangan keempat-empat limbungan di Malaysia, termasuk kepada limbungan Pembuat Kapal Perang Asal TLDM bersaiz besar. Elemen penting yang diambil kira adalah kos selenggaraan yang kompetitif kepada kerajaan, tempoh selenggaraan yang munasabah serta bidang kerja yang menyeluruh mematuhi spesifikasi.